



UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR

2014

**“Berminda Usahawan,
Berjiwa Ilmuwan”**



(The Mind of an Entrepreneur, The Soul of a Scholar)

12 Februari 2014 | Dewan 2020, Kangar, Perlis

WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

Berdikari, Rohaniah
Berteknologi
Pemimpin Berbestari
Untuk Bangsa, Insan Dan Umat Dunia
Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita

Semangat UniMAP

Visi Universiti, Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Universiti, Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang

UniMAP!!!



YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor

“BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN”

(The Mind of an Entrepreneur, The Soul of a Scholar)

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para Tetamu Kehormat,

Timbalan-timbalan Naib Canselor,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Penolong-penolong Naib Canselor,

Anggota-anggota Senat Universiti,

Profesor-profesor,

Dekan-dekan,

Ketua-ketua Jabatan,

Para Pensyarah, Staf Pengurusan dan Sokongan, serta

Mahasiswa UniMAP yang dikasihi Allah sekalian.

Mukadimah

Sesungguhnya segala puji ialah hak Allah (s.w.t) Tuhan sekalian alam. Kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan keampunan hanya daripada-Nya. Marilah kita memohon perlindungan-Nya daripada segala kejahanatan dan kesesatan jiwa, akal dan amal.

Allah berfirman:

“Demi malam apabila menutupi (cahaya siang). Demi siang apabila terang-benderang. Demi penciptaan lelaki dan perempuan. Sesungguhnya usahamu memang beraneka macam. Maka barang siapa memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertakwa; dan mengakui dengan yakin (adanya pahala) yang terbaik (syurga), maka akan Kami mudahkan baginya jalan menuju kemudahan (kebahagiaan). Dan adapun orang yang kikir dan berasa dirinya cukup (tidak perlu pertolongan Allah); serta mendustakan (pahala) yang terbaik, maka Kami akan mudahkan baginya jalan menuju kesukaran (kesengsaraan); dan hartanya tidak berguna baginya apabila dia telah binasa. Sesungguhnya Kamilah yang memberikan petunjuk. Dan sesungguhnya milik Kamilah akhirat dan dunia ini. Maka, Aku memperingatkan kamu dengan neraka yang menyala-nyala; Yang hanya dimasuki oleh orang yang paling celaka; yang mendustakan (kebenaran) dan berpaling (daripada iman). Dan akan dijauhkan darinya (neraka) orang yang paling bertakwa; yang menginfakkan harta (di jalan Allah) untuk membersihkan (dirinya). Dan tidak ada seorang pun memberikan suatu nikmat padanya yang harus dibalasnya. Tetapi (dia memberikan itu semata-mata) kerana mencari keredaan Tuhaninya Yang Maha Tinggi. Dan nescaya kelak dia akan mendapat kesenangan (yang sempurna).” (Al-Quran, Al-Lail: Ayat 1-21).

“BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN”

Sesungguhnya, tiada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Kita bersaksi bahawa Muhammad bin Abdullah (s.a.w) ialah hamba dan Rasul-Nya. Mudah-mudahan segala rahmat dan kesejahteraan sentiasa dilimpahkan oleh Allah (s.w.t) kepada Baginda Rasulullah (s.a.w), dan keluarga, para sahabat dan umat Baginda yang meneruskan dakwah; mengakuri segala perintah-Nya serta menjauhkan segala larangan-Nya.

Saya berdoa agar apa jua yang telah dan akan kita laksana untuk membangunkan UniMAP sentiasa mendapat petunjuk, keredhaan dan keberkatan daripada Allah (s.w.t). Marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah memilih dan mendorong kita untuk sentiasa melaksana tugas dan tangungjawab sebagai muslim, insan dan warga kerja UniMAP berdasarkan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan.

Dalam Ucaptama Tahunan Naib Canselor (UTNC) ke-12 ini saya akan membentangkan suatu agenda terkini Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), iaitu keusahawanan. Agenda ini dipilih kerana tuntutan keperluan semasa dan masa depan universiti. Agenda ini, pada hemat saya, akan menentukan keupayaan daya saing dan kelangsungan (*survival*) universiti kurang dari sepuluh tahun akan datang. Namun demikian, meskipun agenda keusahawanan itu kelihatan agak 'mendesak' pada masa ini, saya masih berpegang pada pendapat bahawa tugas utama sesebuah universiti adalah sebagai gedung utama membudayakan ilmu: mengamalkan ilmu, menciptakan ilmu baru, menyebarkan ilmu seluas-luasnya kepada masyarakat, dan mempromosikan pembinaan tamadun bangsa berdasarkan ilmu. Dengan asas pemikiran ini maka terimalah serangkap pantun pembuka bicara:

2

Cakna tuan menjadi tuntutan
Bernada harapan melawa tindakan
Mencerna impian inti ucapan
“Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuwan”.

Dalam masa sejam dua ini, saya amat berharap agar saudara-saudara di dalam dewan dapat menangguhkan niat dan minat untuk membaca surat khabar, berbicara sesama sendiri dan bermain-main dengan teknologi di tangan. Terimalah ucapan ini dengan minda yang prihatin kerana intinya berkait rapat dengan kelangsungan saudara-saudara dan universiti ini pada masa depan.

BERMINDA USAHAWAN

Kepentingan agenda keusahawanan bukan tidak pernah saya uraikan dan kongsikan sebelum ini. Dalam UTNC 2009 yang bertemakan 'Dinamisme Baru, Wajah Baru' saya pernah membentangkan tujuh cabaran yang perlu kita depani, dan satu daripada cabaran itu ialah "melestarikan budaya enterpis dan menjana kewangan". Antara lain dalam ucapan itu saya menyebut bahawa "...tugas kita ialah melahirkan usahawan atau ahli perniagaan yang berilmu," (muka surat 28). "Sebab itulah, saya mewajibkan semua pensyarah menghadiri kursus keusahawanan... supaya dapat menganjukkan paradigma kita daripada pensyarah yang bertujuan mengajar sahaja; dan membuat penyelidikan kerana perlu membuat penyelidikan semata-mata," (muka surat 28).

Selain daripada berusaha melahirkan usahawan yang berilmu, yang berpunca daripada para pensyarahnya yang berilmu keusahawanan, dalam ucapan itu saya mengingatkan juga bahawa "Untuk bersaing pada masa akan datang universiti perlu menjana kewangannya sendiri secara dalaman," (muka surat 28). Selanjutnya saya menegaskan bahawa:

"Jika kita ada paradigma [keusahawanan] dalam minda kita, maka dapatlah kita melihat sesuatu yang kita lakukan sekarang dalam konteks penjanaan kewangan. Jika kita membuat penyelidikan, kita fikirkan juga cara hendak menjual produk penyelidikan itu akhirnya. Kita tahu cara hendak memasarkannya, di mana nak dijual dan siapa yang berminat membelinya. Jika kita ada mesin dan teknologi, kita tahu apa yang boleh dikeluarkan dengan penggunaan mesin itu, yang akhirnya kita dapat menambahkan pendapatan daripadanya. Jika kita ada kepakaran, kita tahu menggunakan kepakaran itu untuk menjana kewangan. Jika kita ada program akademik yang baik, kita berupaya menangguk wang yang banyak daripada program itu... Inilah sedikit gambaran tentang kualiti baru pensyarah dan staf yang mahu kita jana dan budayakan: berminda dan berbudaya enterpis dan keusahawanan," (muka surat 29).

Dalam UTNC 2012 yang bertemakan "Sedekad Gembang, Bertekad Terbilang," dalam rasa ghairah kita menyambut hari ulang tahun kesepuluh UniMAP, saya menegaskan sekali lagi agenda keusahawanan di UniMAP dengan mengingatkan saudara-saudara bahawa:

"Aspek keusahawanan turut perlu diberi perhatian khusus pada masa depan. Saya berhajat melihat elemen keusahawanan benar-benar menjadi sebahagian daripada budaya staf, mahasiswa dan siswazah kita. Elemen keusahawanan penting untuk menyangga agenda pelan transformasi ekonomi dan pelan transformasi kerajaan yang diperkenalkan di bawah payung RMK-10. Budaya *intrapreneurship* sebagai satu daripada cabang keusahawanan turut memerlukan perhatian serius daripada kita semua. Lantaran, usaha-usaha memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru untuk menjayakannya amat didambakan dengan segera. Jika budaya ini tidak menyerap dalam pembuluh nadi minda dan gerak kerja warga UniMAP secara pantas, nescaya agenda penjanaan kewangan dan perbelanjaan berhemat yang kita jadikan objektif strategik universiti akan menjadi sia-sia belaka," (muka surat 20).

Saya bersyukur kehadrat Allah (s.w.t) kerana saranan saya, sejak UniMAP ditubuhkan, supaya menitikberatkan aspek keusahawanan mendapat perhatian saudara-saudara. Buktinya ialah UniMAP dipilih sebagai pemenang kategori *Institutional Environment* dalam MoE *Entrepreneurial Awards* (MEA) 2012. Nama UniMAP terserlah lagi, sekali gus mempertahankan kehebatannya apabila diisyiharkan sebagai penerima MoE *Entrepreneurial Awards* (MEA) 2013 bagi kategori: (1) *Innovative and Entrepreneurial Teaching and Learning*, (2) *Innovative and Entrepreneurial Staff*, dan (3) tempat kedua bagi kategori *Best Student Enterprise*. Saya berasa amat berbangga kepada semua warga UniMAP amnya, dan Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersialan dan Pengurusan Harta Intelek (E-CIP) khususnya, yang menyelaraskan aktiviti ini di peringkat universiti. Terima kasih dan tahniah saya ucapan.

Kemenangan ini menjadi tanda bahawa agenda keusahawanan sudah semakin subur di universiti ini dan mula mengeluarkan putik yang baik. Ekosistem yang kondusif untuk agenda keusahawanan berkembang di bawah PanjiMega Penciptaan Kekayaan: *Nurturing Entrepreneurial Minds* yang saya lontarkan dalam UTNC 2013 dengan tema "Amalan Bertindak, Hasilan Berimpak," kelihatannya sudah berada di atas landasan yang sewajarnya.

Pada tahun lalu, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan telah diiktiraf oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai memenuhi Standard Pengurusan Persekutuan Berkualiti. Sesuai dengan hasrat universiti yang mahu menjadikan aktiviti 5S di PPK Pembuatan sebagai projek perintis 5S di universiti ini, maka sewajarnyalah aktiviti 5S di pusat pengajian itu dijadikan contoh ikutan oleh pusat-pusat pengajian dan pusat-pusat tanggungjawab yang lain. Tahniah kepada PPK Pembuatan.

4

Prestasi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kita pula semakin meningkat. Pada tahun lalu kita mula berjaya memperoleh pingat emas dan gangsa dalam Konvensyen KIK IPTA. Ucapan tahniah saya kepada Kumpulan REKA dari PPK Pembuatan yang memenangi emas dan Kumpulan IDEA, juga dari PPK pembuatan yang memenangi pingat gangsa. Pada tahun ini kita akan menghantarkan dua lagi kumpulan untuk bertanding dalam konvensyen yang sama, dan saya mendoakan agar kumpulan-kumpulan ini akan memenangi tempat teratas dalam konvensyen tersebut.

Saya berpendapat bahawa aktiviti 5S dan KIK yang disertai oleh para pensyarah dan kakitangan pentadbiran dan sokongan ini sama penting dengan aktiviti penyelidikan yang terbuka kepada para pensyarah sahaja secara lazimnya. Melalui aktiviti inilah staf pentadbiran dapat membina kekuatan bekerja dalam pasukan untuk menghasilkan idea-idea yang bersifat kreatif dan inovatif. Hasilan (*outcome*) berimpak bagi aktiviti-aktiviti seumpama ini diharapkan dapat mewujudkan persekitaran belajar dan bekerja yang kondusif, penjimatan perbelanjaan universiti, dan penjanaan kewangan jika produk yang dihasilkan mempunyai nilai di pasaran. Dan, yang paling utama ialah masyarakat mendapat manfaat daripada produk yang dihasilkan itu.

Di bawah PanjiMega ini juga, kita telah menunjukkan bukti bahawa minda keusahawanan kita semakin mengukuh apabila kita berjaya membangunkan kompleks UniCITI di Sungai Chuchuh. Projek yang bernilai sekitar RM200 juta ini dibangunkan oleh universiti muda melalui UniMAP Holdings Sdn. Bhd. yang baru ditubuhkan setahun dua. Bukankah 'tindakan keusahawanan' namanya jika syarikat baru yang tiada modal dan didukung pula oleh universiti muda, yang juga tidak mempunyai modal tetapi

berupaya merealisasikan suatu impian. Inisiatif ini hanya terjadi kerana kita mempunyai jaringan yang baik dan memanfaatkan jaringan itu untuk kepentingan bersama. Terima kasih kepada Proven Group of Companies. Hari ini, projek UniCITI dijadikan model pembangunan asrama IPTA oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Elemen keusahawanan yang sama turut menyerap ke dalam lubuk jiwa Koperasi UniMAP yang kini mempunyai Tabung Simpanan Khas Kounimap sebanyak RM30 juta, pinjaman yang diluluskan melebihi RM20 juta dan dividen tabung simpanan khas ini ialah sekitar 19% setahun pada tahun lalu. Pertumbuhan positif ini mengambil masa hanyar sekitar setahun setelah Kounimap menjalani penjenamaan semula. Pada saya, Kounimap telah menunjukkan bukti bahawa dengan ilmu, keikhlasan, kejujuran, keprihatinan dan integriti sesuatu entiti perniagaan itu dapat dikembangkan. Tahniah Koperasi UniMAP. Saya amat berharap agar Kounimap dapat terus berkembang dengan lebih pesatnya pada masa akan datang. Kini, sudah sampai masanya Koperasi UniMAP mengongsikan kepakarannya dengan Koperasi Siswa UniMAP untuk bersama-sama mengembangkan perkhidmatan kepada para mahasiswa dan alumni UniMAP. Saya berasa yakin bahawa para alumni kita mempunyai banyak keperluan yang wajar dipakejkan dan dipasarkan oleh Koperasi Siswa.

Dengan rekod seumpama ini, saya yakin, jika kita bersatu hati untuk 'menciptakan kekayaan' untuk UniMAP pada masa akan datang, insya-Allah, kita akan berupaya menjadikan entiti-entiti penjana kekayaan yang telah dan akan kita tubuhkan seperti Yayasan UniMAP, KUKUM Engineering (M) Sdn. Bhd. Technopreneurship@unimap Sdn. Bhd. dan aktiviti Litar UniMAP akan dapat berkembang secara positif dalam tahun-tahun mendatang.

Dalam dunia perniagaan, memanglah ada untung dan ruginya. Syarikat kita juga ada yang belum menjana keuntungan. Sesuatu yang drastik perlu dilakukan oleh syarikat yang belum menampakkan daya saingnya. Namun, saya amat yakin dan positif dengan masa depan gemilang entiti-entiti perniagaan ini. Syaratnya, semua staf mestilah bersatu hati menyayga dan mendukung aktiviti entiti-entiti ini dengan niat yang ikhlas dan mengambil keputusan dan tindakan yang betul, tepat dan berintegriti demi kecemerlangannya.

Untuk memperkuuh agenda ini, kita telah membuat keputusan supaya fungsi Pusat Kerjasama Industri (CIC) diperluas menjadi Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC). Saya berharap agar selepas ini CIGC akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan progresif membantu semua PTJ dan universiti melebarkan jaringan dengan kedua-dua sektor, di dalam dan luar negara dengan lebih berkesannya. Anjung UniMAP Kulim dan Anjung UniMAP KL sewajarnya dapat membantu dan bekerjasama dengan CIGC dan PTJ-PTJ lain dengan tindakan-tindakan yang lebih proaktif.

Di sebalik kejayaan-kejayaan kecil yang kita kongsikan bersama ini, terdapat beberapa persoalan yang bermain dalam minda saya: Pertama, semenjak agenda ini diketengahkan sudahkah semua pensyarah kita, sama ada yang lama atau yang baru mengikuti kursus keusahawanan? Kita tahu bahawa tanpa ilmu keusahawanan bagaimana seseorang yang diharapkan menjadi usahawan dapat berfungsi dan bertindak sebagai usahawan, yang menepati konsep usahawan? Melalui kursus-kursus keusahawanan yang berstruktur, dapatlah para pensyarah, pentadbir, mahasiswa dan siswazah yang berminat menyediakan persekitaran psikologi

keusahawanan (yang meliputi aspek kognisi, emosi, motivasi dan tingkah laku) seperti bersifat 'kreatif,' 'inovatif,' 'tabah,' 'berani,' 'optimistik,' dan 'bernyalarasa' dalam set minda, emosi dan tindakan mereka. Dalam kursus juga kita dapat mengongsikan dan menggambarkan konsep-konsep 'peluang' (*opportunity*), 'ketidakpastian' (*uncertainty*), 'risiko,' 'strategi,' dan 'cabaran' yang melatari dan saling berkait dalam dunia keusahawanan. Melalui kursus jugalah kita akan dapat membuka tingkap minda staf kita tentang kepentingan '*networking*,' '*venture capital*,' serta konsep dan kemahiran-kemahiran lain yang diperlukan untuk menjadi usahawan. Melalui pendidikanlah kita dapat melahirkan seseorang yang berupaya mengubah sumber ekonomi yang kurang daya produktivitinya menjadi tinggi daya produktivitinya. Insan seumpama inilah yang dinamai usahawan oleh Peter Drucker dalam bukunya *Entrepreneurship*. Jika ini tidak dilakukan, maka berkemungkinan besar agenda keusahawanan yang menjadi pemangkin penjanaan kewangan UniMAP akan terbantut atau bergerak dengan perlannnya pada masa akan datang.

Kedua, sudahkah kita menyediakan polisi dan persekitaran yang sesuai untuk para mahasiswa, pensyarah dan pentadbir kita mengamalkan konsep keusahawanan? Setakat manakah sanggaan yang kita berikan dalam bentuk insentif, penyerapan risiko dan suasana yang memungkinkan mereka menjana pendapatan untuk diri mereka dan universiti?

Ketiga, sudahkah keusahawanan atau *entrepreneurship* membudaya di universiti kita? Maksudnya, sudahkah agenda keusahawanan ini menjadi *shared value* dan *shared action* dalam kalangan kita? Berapa orangkah staf yang terlibat dalam aktiviti ini, dengan mengambil kira kepentingan universiti? Berapa banyakkah pendapatan yang dapat dijana setelah agenda ini dikemukakan? Berapa banyakkah peruntukan universiti yang dapat dijimatkan sebagai hasil pelaksanaan perbelanjaan berhemat? Pusat pengajian atau pusat tanggungjawab manakah yang mengamalkan budaya keusahawanan atau *entrepreneurship* yang wajar dicontohkan?

6

Keempat, sudahkah kita membuat aktiviti penanda aras di universiti yang terhadap melaksana agenda ini untuk memahami struktur dan model gerak kerja keusahawanan mereka?

Saya menanyakan soalan-soalan retorik ini supaya pusat pengajian dan pusat tanggungjawab yang berkaitan dapat melaksana inisiatif-inisiatif yang sewajarnya dengan segera. Jika tindakan telah diambil, petakanlah inisiatif-inisiatif baru yang lebih progresif supaya universiti dapat menjana kewangan yang lebih banyak untuk menampung keperluan yang tidak terbatas. Jika tindakan belum diambil, sukacita saya menasihati saudara-saudara agar meyakini bahawa pada masa akan datang sudah pasti peruntukan kewangan kepada universiti awam akan dikurangkan secara berkadar tahun demi tahun. Sebab itulah kita perlu:

Menyediakan payung sebelum hujan;
Mengampang air sebelum kemarau;
Berilmu sebelum beradu;
Berkubu sebelum bersiku.

Sebagai langkah awal, saya menggesa tenaga-tenaga pakar di PPIPT, E-CIP, CAP Keusahawanan iPMO dan Unit Pembangunan Lestari segera menyambut tugas menambah baik modul pengajaran ilmu dan kemahiran keusahawanan, dan seterusnya menganjurkan kursus keusahawanan secara konsisten untuk staf, mahasiswa dan mungkin juga untuk siswazah yang lahir dari universiti ini khususnya. Ciptakanlah kaedah pengajaran dan perkongsian ilmu dan kemahiran yang terbaik untuk mereka. Saya berpendapat, jika mereka ini dapat dijadikan usahawan yang berjaya pastinya mereka berpeluang menjadi filantropi yang akrab dengan universiti kita. Staf UniMAP, khususnya para pensyarah lama dan baru, hendaklah menyediakan diri untuk mengikuti kursus-kursus ini kerana saya telah lama mewajibkan kursus keusahawanan kepada semua pensyarah.

Jabatan Bendahari pula hendaklah segera menujuhan pasukan petugas (*task force*) untuk menggubal polisi keusahawanan yang komprehensif dengan mengambil kira peredaran masa, dasar dan peraturan universiti, dan elemen penggalakan kepada staf untuk menjana pendapatan universiti. Manakala pusat-pusat pengajian dan pusat-pusat tanggungjawab pula, mulai tahun ini, telah disyaratkan supaya menjana sekurang-kurangnya 10% daripada peruntukan belanja mengurus yang diperuntukkan oleh universiti. Langkah ini hendaklah diterima sebagai langkah permula sebelum langkah-langkah lain yang lebih strategik disusunkan.


Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan akhir bulan lalu, didapati bahawa komitmen untuk menjana pendapatan oleh kebanyakan pusat pengajian dan PTJ amat tidak memberangsangkan. Saya menggesa agar semua dekan dan ketua jabatan menyemak semula komitmen dan inisiatif penjanaan kewangan pusat pengajian dan PTJ masing-masing. Saya menuntut agar saudara-saudara memandang serius agenda ini demi masa depan bersama yang lebih progresif. Tahun 2014 kita baru mula bertatih dalam soal ini. Tetapi tahun-tahun seterusnya kita tidak lagi boleh berdalih. Suka atau tidak suka, jika kita mahu mengelakkan dampak '*vicious circle*' belanja mengurus, maka lakukanlah sesuatu untuk menjana pendapatan di pusat pengajian dan PTJ masing-masing. Manfaatkanlah segala modal insan, infrastruktur, kemudahan dan teknologi yang terdapat di tempat bekerja masing-masing demi masa depan yang lebih selesa. Kini, sudah sampai masanya kita *push the boundaries of mind, action and work*.

Saudara-saudara warga UniMAP yang dikasihi.

UniMAP ialah sebuah universiti muda. Sama ada kita sedar atau sebaliknya, penyataan ini membawa bersamanya implikasi bahawa UniMAP bukan lagi universiti baru. Penyataan ini sewajarnya segera menyedarkan kita bahawa UniMAP tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya pada peruntukan atau geran kerajaan. Apa jua alasan yang cuba dikemukakan untuk mendapatkan peruntukan yang lebih banyak pada masa akan datang, boleh dibentangkan, tetapi alasan-alasan itu hendaklah disangga dengan komitmen penjanaan kewangan secara dalaman yang kukuh. Dalam 'bahasa' mudahnya, peruntukan kewangan, khususnya mulai tahun 2015, tertakluk pada syarat: 'Jika mahu memohon peruntukan RM250 juta, OK, tetapi 25% (bersamaan dengan RM62.5 juta) daripada permohonan itu hendaklah disediakan oleh universiti' (rujuk Carta 1: Model Kewangan Lestari Universiti).

"BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN"

Carta 1: Model Kewangan Lestari Universiti



8

Berdasarkan rekod 2013, sumber dalaman menyumbangkan sekitar 15% belanja mengurus universiti. Pada tahun 2014, kita merancang mengekalkan peratusan itu. Tetapi, mulai tahun 2015, selain daripada sumber dalaman, saya berharap agar kita dapat menciptakan suatu sumber lain, iaitu dana endowmen. Pada masa itu, dana endowmen diharapkan dapat menyumbangkan sekitar 10% daripada belanjawan tahunan. Jadi, mulai tahun 2015, dijangkakan belanjawan universiti diperoleh daripada peruntukan kerajaan (75%), sumber dalaman dan sumber-sumber lain (15%), dan endowmen (10%). Trend ini dijangka berkekalan sehingga 2025.

Bermula dari tahun 2025, sumber belanjawan tahunan akan menjadi lebih terbatas puncanya, iaitu sumber dalaman dan endowmen sahaja. Pada tahun itu, diandaikan tiada lagi geran kerajaan diperuntukkan. Jika model ini benar-benar dikuatkuasakan pada tahun itu, maka saudara-saudara perlu berupaya meningkatkan kuantum sumber dalaman sebanyak 60%, dan dana endowmen boleh guna sekitar 40% daripada belanjawan universiti. Dengan andaian bahawa belanjawan universiti pada tahun 2025 ialah RM300 juta, maka RM180 juta perlu disumbangkan oleh pendapatan bersih yang dijana secara dalaman, sementara RM120 juta lagi diperoleh daripada dana endowmen yang boleh digunakan. Inilah cabaran yang menunggu semua universiti awam di negara kita sepuluh tahun dari sekarang. UniMAP tidak terkecuali tentunya, meskipun lebih muda berbanding dengan universiti-universiti lain yang ditubuhkan lebih awal.

Jika andaian ini benar-benar menjadi kenyataan sepuluh tahun lagi, maka kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada melakukan transformasi minda. Minda kita: saya, pemimpin-pemimpin universiti masa depan dan keseluruhan staf perlu ditransformasi. Jika saudara-saudara tidak selesa dengan istilah 'transformasi' itu, saudara-saudara boleh melunakkan bunyinya dengan istilah 'anjakan paradigma' supaya sejajar dengan buniy anjakan model kewangan lestari universiti. Hakikatnya, perlu saya mengingatkan bahawa bukan mudah untuk menjana pendapatan boleh guna secara dalaman sebanyak RM180 juta! Apatah lagi hendak mendapatkan pembiayaan sebanyak RM120 juta daripada dana endowmen! Untuk menjana wang sebanyak itu, daripada dua sumber utama sahaja, memerlukan cara berfikir dan langkah bertindak yang berbeza sama sekali dengan cara dan langkah kita sekarang. Agenda ini memerlukan perancangan yang amat teliti dan komitmen yang amat tinggi daripada semua barisan kepemimpinan, staf, alumni, anak-anak syarikat, dan Yayasan UniMAP. Untuk memenuhi tuntutan pada masa itu, tindakan-tindakan yang 'luar biasa' perlu dirancang dan dilaksana mulai hari ini.

Lantaran cabaran besar yang dijangka akan berlaku pada masa depan, maka saya mengenangkan isu ini pada hari ini. Oleh sebab itulah, saya mengulang-ulangkan kepentingan penjanaan pendapatan universiti. Saya mahu semua staf faham bahawa model kewangan lestari universiti telah mula beranjak daripada dibiayai sepenuhnya oleh geran kerajaan kepada pemanfaatan kapasiti, keupayaan dan kompetensi organisasi. Secara bersama, kita perlu menjana pendapatan sendiri untuk menampung belanja mengurus universiti. Kesepakatan ini mesti direalisasikan supaya kewujudan universiti ini dapat dilestarikan.

Oleh sebab kuatnya pengaruh agenda keusahawanan ini kepada universiti pada masa ini dan masa hadapan, maka isu ini menjadi amat penting. Sebab inilah saya mengangkat "Berminda Keusahawanan" sebagai sebahagian daripada tema dalam UTNC kali ini. Isu ini bukan isu baru. Sejak PSPTN diumumkan dalam tahun 2007, isu ini telah diketengahkan. Pada hari ini, kita mula merasai kesannya. Isu ini juga bukan isu baru di peringkat global: *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD), yang menyediakan laporan tentang *Higher Education to 2030* dalam empat jilid, menggesa universiti di negara-negara anggotanya memberikan fokus tentang penjanaan kewangan secara dalaman melalui aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan, selain daripada isu-isu inovasi dalam perkhidmatan dan sistem penyampaian, persaingan untuk mendapatkan tenaga pengajar, penyelidik dan pelajar terbaik, akreditasi global dan akauntabiliti, pemeringkatan (*ranking*) universiti, serta kerjasama antara universiti antarabangsa dalam aspek akademik dan penyelidikan. Isu-isu ini, khususnya persoalan pendanaan universiti (*university funding*) turut mendapat perhatian Ernst & Young yang menghasilkan laporan *University of the Future* untuk kerajaan Australia, dan laporan *Universities UK* yang menerbitkan kajian yang bertajuk *Futures for Higher Education: Analysing Trends* di United Kingdom.

Kesimpulan saya dalam isu ini ialah kita tidak mempunyai pilihan lain, selain daripada membantu universiti menjana pendapatan demi kelangsungan universiti pada masa akan datang. Dan dalam masa yang sama, jika kita benar-benar aktif dalam aspek ini, berkemungkinan kita dapat menempatkan universiti "...at the heart of social and economic advancement" seperti yang ditekankan oleh laporan kajian OECD.

Penjanaan Kewangan dan Penciptaan

Kekayaan UniMAP: Meneroka 'Peluang'

'Entrepreneurship is the pursuit of opportunity beyond the resources currently controlled...for the purpose of maximizing social and economic values.'

Jika saudara-saudara mahu meneroka dunia keusahawanan melalui pembacaan pada masa ini, antara buku-buku lain, bacalah buku yang ditulis oleh Murray Hunter yang bertajuk *Opportunity, Strategy and Entrepreneurship: A Meta-Theory Volume 1 and 2* yang diterbitkan dalam tahun 2012 oleh Nova Science Publishers, Inc., New York. Saya berharap saudara-saudara kenal akan Murray Hunter kerana beliau ialah pensyarah di Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) UniMAP. Dalam muka surat ix prelim buku ini, Murray Hunter menyebut bahawa:

"I am shocked by number of businesses that fail because of not taking account of the facets of opportunity. So many firms have a strategy, but it is not aligned to any identified opportunity. Most strategies are developed 'on the run' changing as time goes on according to what works and what doesn't work... Opportunity is the centre of entrepreneurship and explaining the discovery and construction of opportunities and their subsequent development is a key part of the discipline... Opportunity is the most important factor in any firm's success and that there are many ways a strategy can be configured and companies organized to exploit an opportunity successfully."

10

Begitulah pentingnya faktor 'peluang' bagi usahawan mengikut Murray yang menulis buku setebal 899 muka surat. Saya tertarik dengan kupasan beliau tentang *opportunity* atau 'peluang'. Jika saudara-saudara mahu tahu lebih lanjut tentang peluang, bentuk-bentuk peluang, persekitaran peluang, dan konsep-konsep yang berkaitan dengannya mengikut kaca mata minda Murray Hunter, bacalah buku ini. Saya sengaja memilih buku ini kerana pertama, kandungannya yang ada kaitan dengan tema ucapan; kedua, buku ini ditulis oleh pensyarah kita; dan ketiga, buku ini diterbitkan di New York.

Pada hari ini, baru saya sedar bahawa saya acapkali mengucapkan tahniah kepada para penyelidik kita yang memenangi pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2013 sahaja kita telah memenangi 241 pingat sebagai hasil kerja penyelidikan. Tahniah para penyelidik sekalian. Dan pada hari ini, izini juga saya memanjangkan ucapan tahniah dan syabas kepada para pensyarah/pentadbir yang telah menghasilkan buku, sama ada yang diterbitkan oleh Penerbit UniMAP atau diterbitkan di luar. Sesungguhnya, saya berbangga mempunyai rakan penyelidik dan penulis buku yang saya kenali. Rasa bangga saya akan lebih bermakna jika buku-buku yang baik dan mempunyai nilai yang tinggi dalam pasaran buku diterbitkan oleh Penerbit UniMAP.

Di samping itu, dalam kesempatan ini, izini saya mengisyiharkan bahawa Unit Penerbitan UniMAP telah dinaikkan tarafnya menjadi pusat dengan nama Penerbit Universiti Malaysia Perlis. Seperti pusat-pusat tanggungjawab yang lain, saya berharap Penerbit UniMAP akan merangkakan strateginya yang tersendiri untuk memastikan setiap buku yang diterbitkan terjual dan akhirnya dapat menyumbang kepada penjanaan pendapatan universiti secara progresif juga. Tahniah dan manfaatkanlah apa jua peluang yang berada di sekitar kita.

Ikhwanul UniMAP sekalian.

Saya percaya bahawa peluang berada di mana-mana. Mempunyai ilmu ialah peluang. Hidup di tengah-tengah insan yang berilmu ialah peluang. Universiti di negeri kecil ialah peluang. Memiliki keupayaan membuat penyelidikan ialah peluang. Mempunyai makmal terakreditasi ialah peluang. Harum manis berbuah tiga bulan sahaja dalam setahun ialah peluang. Tanah 1,000 ekar di Pauh Putra ialah peluang. Tanah di Sungai Chuchuh ialah peluang.

Tanah bukit ialah peluang. Gaung juga ialah peluang. Terpulang kepada kita bagaimana mahu mengadunkan kewujudan bukit dan gaung secara kreatif dan inovatif. Pada saya, peluang hadir apabila minda kita mengatakan bahawa sesuatu entiti atau keadaan itu ialah peluang. Minda kita yang menentukan kewujudan peluang. Kita perlu berfikir secara kreatif dan inovatif untuk merebut dan mengolah peluang yang berada di mana-mana. Sebab itulah saya menggesa dan menggalakkan saudara-saudara menganjurkan dan mengikuti kursus keusahawanan. Tujuannya supaya kita semua berminda usahawan yang sentiasa dapat 'melihat,' 'menghidu,' dan 'merasai' sesuatu sebagai peluang, dan seterusnya berupaya memanfaatkan keupayaan minda kita untuk merebut dan mengolah peluang yang berada di mana-mana menjadi sesuatu yang produktif.

Pada awal bulan Januari yang lalu, YBhg. Dato' Wira Prof. Dr. Salleh Haji Din telah menunjukkan kepada kita beberapa peluang untuk menjana kewangan universiti (rujuk gambar rajah 1) berdasarkan pengalaman beliau dan amalan universiti antarabangsa.

“BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN”

Gambar Rajah 1: Sumber Pendapatan dan Modaliti Dana Institusi Pengajian Tinggi



12

Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, maka mulai hari ini saya menggesa pusat-pusat pengajian khususnya, supaya berusaha mendapatkan dana endowmen, sama ada untuk latihan industri, biasiswa, *fellowship, lectureship, professorship* atau kursi. Selain itu, cuba usahakan setiap bilik makmal ditaja oleh mana-mana syarikat korporat yang ada kaitan dengan fungsi makmal itu. Pusat-pusat penyelidikan juga sewajarnya berusaha mendapatkan geran penyelidikan kontrak dan/atau mencari endowmen bagi pusat masing-masing, selain daripada mendapatkan sumbangan-sumbangan lain yang bersifat konvensional. Untuk menjayakan agenda-agenda ini, manfaatkanlah *networking* CIGC dan staf masing-masing yang sudah semakin banyak bilangannya, sementara polisi penjanaan kewangan yang akan dibangunkan oleh pasukan petugas yang diketuai oleh Bendahari hendaklah mengambil kira semua aspek termasuk insentif kepada pusat-pusat pengajian, PTJ dan individu-individu yang menjana kewangan untuk universiti. Pada hemat saya, hal ini tidaklah bertentangan dengan seruan Allah (s.w.t) dalam Surah Taha: ayat 128, yang maksudnya “Sesungguhnya pada yang demikian ada tanda-tanda (untuk mengambil iktibar) bagi orang-orang yang berakal fikiran”.

Pada saya, semua bangunan milik kekal UniMAP boleh ditawarkan untuk ditaja: dewan serba guna yang baru, surau, kompleks dewan kuliah, kolej kediaman, wakaf-wakaf di *boulevard*, litar UniMAP, dan sebagainya, asalkan puncanya halal. Jika sumber sumbangan tidak halal pun boleh, tetapi kita gunakanlah sumber itu mengikut panduan syarak demi kepentingan awam. Sehubungan dengan isu halal atau tidaknya suatu pemberian itu, maka Pusat Islam mestilah mengeluarkan suatu garis panduan yang berkaitan, di samping mengusulkan suatu konsep penjanaan kewangan melalui sistem zakat dan wakaf yang inovatif. Adakanlah kempen-kempen berterusan untuk menggalakkan staf kita membuat potongan zakat. Pusat Islam perlu bergerak ke

pusat-pusat pengajian dan PTJ untuk memberikan penerangan tentang sistem pungutan zakat dan wakaf serta manfaatnya kepada universiti dan ummah. Dalam konteks penyebaran ilmu, para pendakwah perlu mempelbagaikan pendekatan; perlu turun ke medan dan tidak boleh lagi menunggu 'pelanggan' datang ke masjid atau bilik kuliah untuk mendapatkan ilmu.

UniMAP Holdings, KUKUM Engineering, technopreneurship@unimap dan Yayasan UniMAP perlu turut memainkan peranan yang lebih aktif, kreatif, substantif dan produktif. UniMAP Holdings, setelah berjaya dengan projek mega UniCITI, kini mencuba pula perniagaan percetakan yang akan direalisasikan secara usaha sama dengan Galaxy Group of Companies (GALAXY). Suatu lagi projek yang akan dilaksana secara kerjasama dengan GALAXY, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, KUKUM Engineering, dan Proven Group of Companies ialah mengusahakan pusat latihan automasi dan teknikal berteknologi tinggi yang bakal menawarkan kursus-kursus jangka pendek dan sederhana, seperti Kursus Android, RFID (Radio Freq. ID), Wireless Sensor, Kuasa Boleh Baharu (*renewable energy*) dan pelbagai lagi. Projek ini merupakan suatu projek rintis sebelum kita membina suatu pusat konvensyen dan latihan yang lebih canggih pada masa akan datang. CIGC pula telah komited untuk menjana sekurang-kurangnya RM1 juta dalam tahun ini melalui pelbagai program yang telah dirancang. Sementara Yayasan UniMAP dan Litar UniMAP, di samping mencuba mencari rentak untuk memantapkan pentadbirannya, disarankan supaya segera membuat kerja-kerja perhubungan awam dengan semua syarikat korporat dan konglomerat untuk mengisi dana yang serasi dengan objektif penubuhan masing-masing. Saya berharap semua staf dan mahasiswa akan menyangga projek-projek yang dirancang dengan menggunakan kelebihan-kelebihan yang dimiliki masing-masing.

Sekali lagi, saya menyeru agar kita semua komited dengan agenda penjanaan kewangan UniMAP dengan ikhlas dan berintegriti berasaskan ilmu keusahawanan yang sejati. Semoga Allah memberkati dan meredhai usaha kita bersama.

BERJIWA ILMUWAN

Saudara-saudara yang dikasihi.

Bekerja di universiti dalam era alaf baru ini semakin mencabar. Sebagai pensyarah kita tidak boleh berpuas hati dengan tugas mengajar semata-mata, meskipun tugas mengajar itu sendiri sudah rencam: keluar masuk kuliah, mengajarkan dua tiga kursus, membuat soalan, menghadiri kursus untuk memahami OBE dan kaedah mengajar, menjadi pengawas peperiksaan, memeriksa kertas tugas dan peperiksaan, menghadiri mesyuarat dan banyak lagi. Semua tugas ini perlu dilaksana dengan mengambil kira sistem kualiti seperti yang ditetapkan oleh badan-badan kelayakan dan akreditasi tempatan dan antarabangsa. Jika saudara-saudara mahu menjadi pensyarah yang lebih baik pula, saudara juga perlu menyebarkan dan mengongsikan ilmu dengan masyarakat di luar universiti dalam program-program khidmat masyarakat. Saya faham bahawa tugas mengajar bukan mudah dan tidak bermula dan berakhir di dalam bilik kuliah sahaja.

Jika saudara-saudara mahu menjadi pensyarah yang lebih baik, saudara-saudara perlu membuat kerja-kerja penyelidikan dan perundingan. Saya faham juga bahawa membuat penyelidikan bukan kerja ringan: bermula dengan menelaah bidang kepakaran

secara berterusan untuk mempermantap ilmu, meneroka ilmu baru, membuat uji kaji di lantai makmal atau mengumpulkan data di lapangan, menulis hasil kajian, berbincang secara serius dan menyebarkan hasil kajian dalam bentuk penulisan, sama ada dalam prosiding, jurnal atau buku. Jika mahu menjadi penyelidik yang *outstanding*, hasil kajian perlu dibentangkan dan diterbitkan di arena antarabangsa supaya masyarakat dunia dapat memanfaatkannya. Dan hasil penulisan itu mestilah tinggi faktor impak dan nilai H-Indeksnya. Kerja-kerja perundingan pula memerlukan masa yang banyak sedangkan masa terbatas sifatnya.

Jika saudara-saudara mahu menjadi lebih distingtif, saudara-saudara bukan sekadar berupaya menguasai ilmu sedalam mungkin dan menyebarkan ilmu seluas mungkin, malah dituntut juga supaya menjadi pentadbir, strategis dan pemimpin gedung ilmu yang cekap dan berkesan. Sebagai pemimpin, saudara-saudara diharapkan pula supaya mengurus dan mentadbir dengan tahap profesionalisme, kredibiliti dan integriti yang tinggi, yang dijelmakan melalui sistem urus tadbir yang dijadikan contoh terbaik oleh institusi-institusi lain. Urus tadbir yang baik ditandai juga oleh berapa ribu juta kuantum geran penyelidikan dan endowmen yang dapat dikumpulkan serta dimanfaatkan secara paling berhemat.

Tidak cukup dengan pencapaian tahap itu, jika saudara-saudara mahu dikenang sebagai pemimpin institusi pengajian tinggi yang tersohor pula, saudara-saudara dituntut untuk melonjakkan dan menyerlahkan nama institusi yang dipimpin hingga terkenal di peringkat global. Saudara-saudara perlu meningkatkan *rating* dan *ranking* universiti ke tahap yang tertinggi di dunia. Penunjuk utama yang menjadi tanda kehebatan sebagai pemimpin institusi pengajian tinggi ialah banyaknya permohonan daripada intelektual dan pelajar antarabangsa yang mahu mengajar atau belajar di institusi itu. Contohnya, sudah acapkali saya sebut dalam UTNC: Universiti Harvard, Caltech dan Al-Azhar.

14

Namun demikian, seandainya kita dapat menjadi pensyarah, penyelidik dan pemimpin universiti seperti yang digambarkan itu, sudahkah kita mencapai tahap ilmuwan, cendekiawan, *intellectual* atau *scholar*? Sekadar menyebutkan beberapa nama besar, yang dapat kita golongkan dan contohkan sebagai tokoh ilmuwan di Malaysia, seperti Tan Sri Datuk Prof. Dr. Awang Had Salleh dan Yang Mulia Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid; tidak pernahkah terdetik di minda kita, "...bagaimanakah mereka mampu menjadi ilmuwan hebat?" Cukupkah dengan sekian banyak kursus yang diajarkan kita boleh bergelar ilmuwan? Cukupkah dengan sekian banyak kertas penyelidikan yang dipetik oleh penyelidik lain kita boleh menggolongkan diri kita ke dalam golongan ilmuwan? Cukupkah dengan sekian banyak kejayaan yang kita ciptakan bagi pihak universiti, dan anugerah yang kita terima sebagai tanda kecemerlangan peribadi, sudah melayakkan diri kita meminta orang lain menganggap kita sebagai ilmuwan?

Apakah jawaban saudara bagi pertanyaan-pertanyaan ini? Saya berpendapat semuanya bergantung pada amalan konsep 'hikmah', 'kebijaksanaan' atau *wisdom*. Semua tugas yang disebutkan tadi memang perlu dilaksana dengan cemerlang, tetapi jika tiada hikmah yang mendasarinya, maka sia-sialah semua itu. Pensyarah yang ada hikmah, tahu dan faham mengapa dia memilih untuk menjadi pensyarah: untuk mendidik anak bangsa menjadi khalifah di muka bumi ini. Dia tahu dan faham mengapa dia memilih untuk mendalami ilmu dan membuat penyelidikan: untuk mencari kebenaran dan menyelesaikan masalah ummah sejagat berdasarkan ilmu dan kepakaran yang dianugerahkan Allah kepadanya. Dia tahu dan faham mengapa dia perlu mengurus dan mentadbir dengan cekap dan berkesan: untuk menyatukan hati orang yang dipimpinnya demi kebaikan, kesejahteraan dan

kemakmuran bersama yang tidak bercanggah dengan syarak. Dia tahu dan faham mengapa reputasi dirinya dan universiti yang menjadi medan baginya mencari rezeki yang halal perlu dilonjakkkan: untuk menunjukkan bukti bahawa dia adalah umat yang terbaik yang dilahirkan di muka bumi ini. Dia tahu dan faham mengapa negara dan universitinya perlu kaya: supaya tidak mudah diperkotak-katikkan dan diperlekeh oleh orang lain. Pensyarah yang ada hikmah ialah pensyarah yang bekerja semata-mata kerana Allah; demi mencari keredhaan Allah, bukan kerana sebab-sebab yang lain. Dia tahu bahawa apa jua yang dilakukan di dunia ini akan ditimbang seadil-adilnya pada Hari Pembalasan kelak.

Pensyarah seumpama inilah yang mengajar dengan hati, menyelidik dengan teliti, mentadbir dengan budi dan keikhlasan yang menjadi intisari. Pensyarah seumpama inilah apabila memberikan pandangan, sama ada semasa bercakap atau menulis dia akan bercakap atau menulis *without fear or favour*. Yang penting baginya ialah kebenaran dan meletakkan sesuatu pada tempatnya, bukan statusnya. Apabila dia bercakap, tidak melukakan. Apabila marah, tidak keterlaluan dan berpanjangan. Apabila ketawa, tidak melekakan. Dia bertindak berdasarkan data, fakta, dan maklumat yang tepat; bukan *dzan, waham* atau syak wasangka. Menegakkan budaya ilmu menjadi keutamaannya. Bermusyawarah, menghadiri majlis ilmu dan meraikan pandangan orang lain menjadi sebahagian daripada amalan hidupnya.

Pandangan saya ini bukan ditujukan khusus kepada para pensyarah sahaja kerana ciri-ciri orang yang berhikmah bukan ciri eksklusif untuk para pensyarah. Di dunia ini ada pensyarah, tetapi tidak berhikmah. Ada juga orang yang berhikmah, tetapi bukan pensyarah. Orang yang berhikmah boleh bekerja apa sahaja: pentadbir, peniaga, pekebun atau mungkin nelayan, asalkan dia berilmu dan bijaksana menggunakan ilmunya untuk kebaikan dunia dan akhirat. Jadi, marilah kita bersama-sama mengangkat derajat kita supaya menjadi orang yang berhikmah dalam setiap detik nafas dan langkah tindakan. Tujuannya tidak lain kerana Allah. Semoga anak bangsa yang kita didik akan turut menjadi insan yang berhikmah dengan contoh yang kita tunjukkan.

Inilah sebabnya saya mengangkat tema 'Berjiwa Ilmuwan' untuk digandingkan dengan tema 'Berminda Usahawan.' Saya tidak mahu saudara-saudara keliru dengan agenda penjanaan kewangan dan penciptaan kekayaan yang cuba saya ketengahkan. Agenda ini hendaklah difahami bukan berpunca atau didorong oleh perasaan tamak haloba. Agenda ini wajar kerana selain daripada cemerlang daripada sudut akademik dan penyelidikan, universiti wajar juga kuat dan kukuh aspek kewangannya. Kekuatan dan kekuuhan aspek kewangan memungkinkan kita menjadi lebih berdaya saing di pentas dunia. Keputusan ini seajar dengan cadangan YAB Menteri Pendidikan dalam ucapan tahunannya baru-baru ini, dan usul "... to adopt an entrepreneurial organizational model [which is] most needed when operating under dynamic conditions of uncertainty and complexity," yang dikemukakan oleh Ernst & Young kepada universiti-universiti di Australia. Namun, segala tindakan dan aktiviti penciptaan kewangan dan kekayaan di universiti ini hendaklah mengambil kira aspek akhlak dan integriti berteraskan ilmu supaya segala usaha kita mendapat keredhaan Allah.

2014: TAHUN MELONJAKKAN KECEMERLANGAN

Tahun 2013 merupakan tahun gemilang UniMAP. Pada tahun lalu, tidak kurang daripada 20 pengiktirafan dunia dan setempat diterima oleh universiti dan staf yang mewakili universiti kita. Bilangan ini tidak termasuk ratusan anugerah penyelidikan yang diterima oleh sebilangan pensyarah kanan dan muda daripada badan-badan di dalam dan di luar negara. Cukuplah saya lampirkan* senarai kejayaan itu untuk dirujuk. Namun, izini saya, bagi pihak universiti, mengucapkan tahniah dan syabas kepada beberapa orang pensyarah muda, iaitu Saudara Mohd Mustafa Al-Bakri Abdullah yang menerima anugerah *Merit of Commandeur* daripada *Belgian Chamber of Inventors*, *Top Research Scientist Malaysia* daripada Akademi Sains Negara dan menjadi finalis Saintis Muda Negara. Dr. Ruslinda A. Rahim, Timbalan Dekan Pusat pengurusan Penyelidikan dan Inovasi yang mendapat Anugerah Nasional Fellowship untuk Saintis Wanita (FWIS) oleh L’Oreal-Unesco Malaysia. Dr. Hakimah Osman, Timbalan Dekan Bahagian Pengurusan Akademik yang menerima anugerah utama *King Sejong Inventor Order of Merit*, anugerah *Invention for Women Order of Merit*, *Material Invention Order of Merit* dan *Green Invention Order of Merit* bersama-sama Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah dalam *World Inventor Order Festival (WIIF)* Kedua 2013 di Korea, sementara Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Tunku Mohd. Nizar Tunku Mansur memenangi *Qatar Special Award on Green Material* dan anugerah *Electrical Invention Order of Merit* dan *Electronics Invention Order of Merit*. Tahniah kerana secara langsung dapat meningkatkan nama universiti di peringkat antarabangsa. Penyelidik-penyelidik muda seperti inilah yang kita harapkan dapat meneruskan perjuangan universiti pada masa akan datang.

1 16

Dalam kesempatan ini juga saya mahu mengalungkan ucapan tahniah kepada para mahasiswa UniMAP, iaitu Farah Suhannah Ezani yang meraih pingat emas melalui produknya panel sinar-X mesra alam (*X-Ray Shielding Panel From Geopolymer Composite*) dan memenangi anugerah khas *Hong Kong Invention Association*; Kherni Hafizah Bakri memenangi pingat emas malalui inovasinya iaitu *Advanced Geopolymer Ceramic for High Temperature Application*, Nur Fatin Nazira Ab. Karim dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech) dengan reka ciptanya “*GRCOMAP A New Generation Of Green*; dan Nurnabilah Ibrahim yang memperoleh anugerah pingat emas oleh Persatuan Inovasi Harta Intelek Dunia (WIIPA) melalui inovasinya *HIJAUPLASTMAP dalam International Youth Inventor Exhibition (IYIE 2014)* yang diadakan di Far East University, Taiwan baru-baru ini.

Selain daripada itu, para mahasiswa kita turut memenangi beberapa pingat emas dalam Persidangan dan Ekspos Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2013) tahun lalu. Mereka terdiri daripada mahasiswa tahun pertama Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Farah Suhannah Ezani dan Kherni Hafizah Bakri yang memenangi pingat emas dengan reka cipta *X-Ray Shielding Panel From Geopolymer Composite*. Pingat emas juga dimenangi oleh Nor Diana Rafie, Nurnabilah Ibrahim dan Ku Nur Salsabila Ku Osman, yang mengetengahkan produk reka cipta *HIJAUPLASTMAP* mereka. Manakala emas ketiga UniMAP disumbangkan oleh mahasiswa tahun pertama Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech), iaitu Muhammad Khairul Anwar Abu Khori, Ahmad Sedek Kamaruddin dan Nur Fatin Nazira Ab. Karim melalui hasil ciptaan mereka *GRCOMAP-A New Generation of Green Composites*. Tahniah dan syabas sekali lagi.

Dengan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berimpak inilah memungkinkan UniMAP berada pada kedudukan 242 universiti terbaik di Asia berdasarkan *QS World University Rankings (Asia) 2013*. Aktiviti-aktiviti penyelidikan ini pula disangga dan diperkuuh oleh inisiatif-inisiatif yang digerakkan oleh semua warga kerja UniMAP para pensyarah, pentadbir dan staf sokongan sehingga UniMAP berjaya menerima Sijil Pengiktirafan Semula MS ISO 9001:2008; dianugerahi Sijil ISO/IEC 17025:2005 oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) bagi PPK Bahan dan PPK Alam Sekitar daripada SIRIM QAS International; dan menerima Anugerah Kualiti SIRIM (AKS) 2013 bagi kategori agensi kerajaan daripada SIRIM Berhad. Sukacita saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Puan Mazmin Mat Akhir yang mengetuai pasukan petugas *QS Ranking* di UniMAP; PPK Bahan; PPK Alam Sekitar, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP); dan akhir sekali Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang mendorong penganugerahan yang diterima oleh UniMAP.

Dalam tahun 2014 ini kita perlu meneruskan malah perlu melonjakkan kecemerlangan yang telah diciptakan ke tahap yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama kita perlu juga akur dengan tuntutan Kementerian Pendidikan yang telah mempersetujui sepuluh KPI YABM yang perlu dicapai oleh UniMAP. Saya memohon agar semua pusat pengajian dan PTJ yang terlibat dengan sepuluh KPI YABM ini menunjukkan keprihatinan dan memberikan komitmen untuk mencapai sasaran yang dipersetujui oleh UniMAP dengan Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan. Sepuluh KPI ini juga menjadi KPI Naib Canselor pada tahun ini, di samping KPI-KPI yang lain. Saya membahagi-bahagikan KPI ini di bawah teras strategik "*I positively CHANGE.*"

'Keterlihatan Antarabangsa yang Menyerlah' (*Iluminating International Visibility*)

Di bawah PanjiMega 'We Serve the Globe' antara inisiatif yang paling berjaya ialah penganjuran *Asian University Presidents Forum (AUPF)* dan penyertaan mahasiswa kita dalam *Asia Summer Programme (ASP)*. Terima kasih dan tahniah kepada semua anggota jawatankuasa yang terlibat. Bukan mudah mengendali tetamu antarabangsa, tetapi kita berjaya melakukannya, Alhamdulillah.

Kebanyakan inisiatif bagi teras ini merupakan objektif dan inisiatif yang dikongsi bersama dengan teras-teras strategik yang lain, misalnya teras penyelidikan dan akademik. Agenda utamanya ialah menyerlahkan keterlihatan antarabangsa UniMAP dengan berusaha memasarkan jenama UniMAP melalui pelbagai program yang bersifat antarabangsa, meningkatkan ciri *diversity*, sama ada dalam kalangan pensyarah dan penuntut serta sifat keantarabangsaan program pengajian. Pada saya, yang paling penting ialah meraikan indikator-indikator *QS rankings* dengan sewajarnya. Untuk memastikan agenda QS ditangani dengan baik, maka dalam tahun ini kita akan melaksana inisiatif yang berikut:

- Menganjurkan *Asia Summer Programme*
- Menganjurkan *4th World University Woodball Championship*
- Menjadi hos *Islamic World Academy of Science Conference*
- Menyertai *QS in Conversation*

KPI YABM

1. Penarafan dalam *QS World University Rankings*
 - **Sasaran:** Ranking 150 Terbaik Asia dan 1000 Terbaik di dunia
Pemilik KPI: Naib Canselor, Ketua Teras Keterlihatan Antarabangsa yang Menyerlah (Prof. Dr. Harshita Aini Haroon) dan Ketua Pasukan Petugas QS UniMAP (Puan Mazmin Mat Akhir)
2. Bilangan enrolmen penuntut pascasiswazah antarabangsa
 - **Sasaran:** 250 orang (25% daripada keseluruhan enrolmen)
Pemilik KPI: Dekan Pusat Pengajian Siswazah

'Ekosistem yang Kondusif' (*Conducive Ecosystem*)

Di bawah PanjiMega 'Sustainable Campus@UniMAP' projek-projek yang telah dilaksana di bawah panji tenaga, sumber manusia, tanah dan air, pengangkutan, bahan buangan, bangunan, makanan dan program-program khas perlu dipastikan berjalan dengan baik dan lancar. Tahniah Datin Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, dan anggota jawatankuasanya kerana promosi yang dijalankan, projek Kampus U-Sikal serta beberapa projek lain yang telah digerakkan. Dalam tahun ini, kita akan melaksana inisiatif-inisiatif yang berikut pula:

18

- Promosi *edutourism* yang berupa pakej pelancongan berkonseptan ilmiah di bawah tema *Seven Wonders of UniMAP* yang terdiri daripada Perpustakaan Tuanku Faizuddin Putra, Galeri UniMAP (*Magical Tunnel* UniMAP, pameran produk penyelidikan, pendedahan atas kejuruteraan: robotik, teknologi solar, reka bentuk produk dan sebagainya), Pakej Rekreasi (*go-cart*, berkayak, sukan padang, balapan, dan basikal *off-road track* di kawasan bukit UniMAP), Agroteknologi, Pusat Latihan Sehenti, Masjid Al-Hussain dan calet Kurong Tengar).
Pemilik Inisiatif: Dr. Rizalfande Che Ismail (Dekan PPK Mikroelektronik).
- Di Malaysia, Perlis menduduki tempat teratas bagi prevalen tertinggi penyakit diabetes, hiperkolesterolemia dan obesiti. Dalam kajian yang dijalankan di sebuah PTJ UniMAP didapati 19% daripada kakitangan jabatan itu menghidap diabetes, hipertensi (13%), hiperkolesterolemia (77%) dan mengalami obesiti (46%). Oleh sebab seriusnya fenomena ini, maka Pusat Kesihatan UniMAP akan melaksana inisiatif kempen kesihatan 10,000 langkah ke arah warga UniMAP sihat saringan kesihatan bagi para permandu UniMAP dan PTJ-PTJ lain yang akan ditetapkan kemudian.
Pemilik Inisiatif: Prof. Madya Dr. Mohammad Iqbal Omar (Pengarah Pusat Kesihatan UniMAP).
- Menjadikan UniMAP sebuah universiti yang hijau, cantik dan bersih dalam segala aspek, termasuk kebersihan tandas, sudah lama saya dambakan. Lantaran, saya berharap Kempen Tandas Bersih yang dilancarkan hari ini benar-benar dapat mentransformasikan minda kita terhadap kepentingan amalan kebersihan, yang bukan sahaja relevan di ruang pejabat, tetapi hingga ke tandas yang digunakan. Sesungguhnya, isu kebersihan ini nampak seperti perkara yang remeh, namun ia sebenarnya mempunyai impak yang besar terhadap kesihatan, persekitaran dan imej Universiti.
Pemilik Inisiatif: Datin Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain.


Penyelidikan Berimpak Tinggi' (*High Impact Research*)

Teras ini menaungi PanjiMega *High Impact University Social Responsibility* (USR) yang pada asalnya bertujuan menghasilkan produk penyelidikan yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat atau dikomersialkan. Oleh sebab, untuk menghasilkan output penyelidikan yang dapat dikomersialkan mengambil masa yang panjang, maka kita perlu kembali memberikan penekanan pada output penyelidikan yang konvensional tetapi dapat menyumbang kepada peningkatan reputasi universiti dalam penarafan MyRA dan *ranking* dunia. Namun demikian, strategi khusus perlu dirangkakan untuk mencapai maksud asal PanjiMega teras ini.

Selain daripada itu, jika sebelum ini kita memberikan penekanan pada penghasilan jurnal dalam Scopus, tetapi oleh sebab kita perlu meningkatkan reputasi output penyelidikan ke tahap yang lebih berprestij, maka taktik-taktik tertentu perlu dirumuskan untuk kita meningkatkan bilangan penerbitan jurnal dalam *Web of Science* (WoS). Merujuk bilangan penerbitan terindeks dalam WoS berbanding dengan Scopus dari 2003 hingga 2013 (rujuk Carta 2:) didapati bahawa nisbah penerbitan terindeks dalam WoS berbanding dalam Scopus ialah 1:3.


Carta 2: Perbandingan Bilangan Penerbitan Terindeks Dalam WoS dan Scopus

2003 - 2013 di UniMAP



Daripada aspek sitasi pula, didapati bahawa bilangan sitasi dalam Scopus berjumlah 3,664. Jumlah ini jauh lebih baik daripada bilangan sitasi dalam WoS (rujuk Carta 3). Bagaimanapun, daripada segi purata, bilangan sitasi penerbitan dalam WoS, iaitu 2.64 didapati jauh lebih tinggi berbanding dengan Scopus yang mencatat 1.46.

Carta 3: Perbandingan jumlah sitasi daripada penerbitan UniMAP Dalam WoS dengan Scopus 2003 - 2013



Untuk memungkinkan kita bersaing dalam *ranking* peringkat dunia, maka kita perlu meningkatkan bilangan penerbitan jurnal dan sitasi dalam kedua-dua jurnal, tetapi dengan memberikan pemberat yang lebih kepada jurnal-jurnal dalam WoS kerana trend masa kini menunjukkan purata sitasi dalam WoS lebih tinggi. Bagi teras ini, dalam tahun 2014, kita akan melaksana objektif-objektif yang berikut:

20

- Meningkatkan bilangan penerbitan jurnal dalam WoS dan/atau Scopus ke angka 1,200 setahun,
- Meningkatkan bilangan penerbitan terindeks kumulatif dalam *ISI Web of Science* ke angka 1,000,
- Meningkatkan bilangan purata sitasi ke angka 2.64 dengan cara meningkatkan penyelidikan kolobrasi dengan penyelidik di luar institusi dan sitasi silang dalam kalangan penyelidik dalam dan luaran,
- Setiap penyelidik menjana nilai H-indeks 5,
- Meningkatkan skor dalam sistem penarafan MyRA, dan
- Semua staf akademik mewujudkan akaun pengguna dalam pangkalan data penyelidik, seperti ResearchGate, Research ID, Mendeley, dan Academia dan sebagainya, yang relevan untuk meningkatkan sitasi penerbitan.

KPI YABM

1. Nisbah penerbitan di dalam jurnal berindeks
 - **Sasaran:** Setiap pensyarah menghasilkan 1.2 penerbitan
Pemilik KPI: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Skor dalam sistem penarafan MyRA
 - **Sasaran:** 75% atau Tier 4
Pemilik KPI: Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

'Akademik yang Unggul' (*Academically Eminent*)

Di bawah PanjiMega Akademik, iaitu *From Noble to Nobel* pada tahun lalu disasarkan supaya *Institute of Advance Studies* (InsAS) ditubuhkan untuk memperkasakan penyelidikan fundamental dan penerokaan intelektual dalam disiplin ilmu yang merentas sempadan. Di bawah payung ini juga kompetensi pensyarah dan kepemimpinan akademik ke arah profesionalisme yang tinggi diharapkan dapat diusahakan, dan projek pascadoktoral yang bertujuan menyangga Program Nobel Laureate Malaysia dapat diaktifkan. Bagaimanapun, berdasarkan perkembangan semasa, di bawah teras ini beberapa pengukur prestasi fundamental perlu dititikberatkan. Bagi teras ini, dalam tahun 2014, mana-mana inisiatif lama yang belum dapat direalisasikan hendaklah terus diusahakan, sementara objektif dan inisiatif yang berikut perlu digarap:

- Meningkatkan bilangan dan kapasiti program *job camp* dan *finishing school*,
- Meningkatkan bilangan pensyarah yang berkelayakan Ph.D atau yang setaraf dengannya,
- Meningkatkan tahap kompetensi para pensyarah kejuruteraan dengan melaksana sistem insentif yang dapat menggalakkan pendaftaran sebagai *Professional Engineer* (PE) sekurang-kurangnya tiga orang bagi semua program kejuruteraan,
- Meningkatkan bilangan staf akademik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan
- Meningkatkan reputasi program-program Teknologi Kejuruteraan.

KPI YABM

1. Peratusan siswazah mendapat pekerjaan semasa hari kovokesyen
 - **Sasaran:** 80%
 - Pemilik KPI:** Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC)
2. Peratusan pensyarah yang berkelayakan Ph.D
 - **Sasaran:** 37% atau 310 orang
 - Pemilik KPI:** Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
3. Peratusan enrolmen pelajar TVET (bagi Program Kejuruteraan Teknologi)
 - **Sasaran:** 18% daripada jumlah enrolmen semasa
 - Pemilik KPI:** Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan
4. Bilangan pensyarah yang mendapat pengiktirafan akademik di peringkat antarabangsa
 - **Sasaran:** 150 orang (termasuk anugerah penyelidikan)
 - Pemilik KPI:** Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dalam kesempatan ini saya mahu mengucapkan syabas kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Dekan Bahagian Pengurusan Akademik, dekan-dekan, PTJ-PTJ sokongan akademik, dan khususnya para pensyarah sekalian kerana berjaya mempertahankan sistem akademik yang berkualiti. Saya difahamkan bahawa berdasarkan maklumat tidak rasmi, kesemua program pengajian kejuruteraan yang menjalani proses akreditasi sambungan akan mendapat pengiktirafan sekurang-

kurangnya dua tahun, Dikatakan kebanyakan program akan diberi akreditasi tiga tahun, dan ada juga yang mendapat akreditasi lima tahun. Syabas semua.

'Penciptaan Kekayaan yang Ketara' (*Notable Wealth Creation*)

PanjiMega teras Penciptaan Kekayaan yang Ketara menjurus kepada *Nurturing Entrepreneurial Minds*. Saya telah menjelaskannya pada awal ucapan ini. Kebanyakan sasaran yang ditetapkan pada tahun lalu telah tercapai. Jadi, dalam tahun ini, selain daripada mempertahan pencapaian tahun lalu, kita akan memulakan penerapan budaya keusahawanan dengan lebih serius melalui inisiatif-inisiatif yang berikut:

- Memperkasakan kurikulum dan penawaran kursus keusahawanan dalam kalangan pensyarah, staf pentadbiran, mahasiswa dan alumni,
- Menggalakkan semua pusat pengajian dan PTJ menjana kewangan dengan pemberian insentif yang berstruktur,
- Mendaftarkan semua sayap penciptaan kekayaan UniMAP, seperti syarikat dan yayasan supaya mengusahakan pemerolehan taraf 'pengecualian cukai' dan 'pengecualian cukai berganda' untuk menarik minat para filantropi dan syarikat korporat dan konglomerat menyumbang, dan
- Menjana pendapatan dengan memperkenalkan pelbagai jenis tabung dan dana endowmen.

'Urus Tadbir yang Gemilang' (*Glorious Governance*)

22

Urus tadbir universiti dengan PanjiMega 5 STAR 15 Program sudah semakin matang dengan pemerolehan pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Bagaimanapun, saya percaya bahawa masih banyak proses dalaman yang melibatkan aspek pengurusan dan pentadbiran perlu ditambah baik untuk meningkatkan tahap kepuasan pihak berkepentingan dan pelanggan. Lantaran, dalam tahun ini, objektif dan inisiatif yang berikut dituntut supaya dilaksana, iaitu:

- Meningkatkan kesedaran tentang budaya kualiti dari pucuk hingga ke akar umbi,
- Menyediakan keseluruhan organisasi dengan lebih yakin untuk menghadapi audit *Codes of University's Good Governance (CUGG)*,
- Menyediakan keseluruhan organisasi untuk mencapai Tier 6 dalam penilaian SETARA dan D-SETARA yang akan datang,
- Mencapai tahap 4 bintang bagi indeks akauntabiliti kewangan,
- Melestarikan pemerolehan pengiktirafan antarabangsa bagi peringkat organisasi, dan
- Menambahmantapkan pelan penggantian universiti di semua peringkat melalui pengukuhan modal intelektual dan profesionalisme kerja secara berstruktur dan adil.

KPI YABM

1. Bilangan program CSR yang berimpak tinggi
 - **Sasaran:** enam program
 - Pemilik KPI:** Pengarah Pusat Kajian Strategik dan Komuniti.

'Siswazah Berbakat Istimewa' (*Exceptionally Talented Graduates*)

Seperti yang saya sebut dalam UTNC tahun-tahun sebelum ini, mahasiswa dan siswazah kita ialah pelanggan dan pihak berkepentingan yang penting. Jabatan Hal-ehwal Pelajar dan Alumni telah merangkakan pelan strategiknya yang khusus untuk mencapai *strategic results* bagi teras ini, iaitu 'Siswazah Berbakat Istimewa' dengan pendekatan **PRIME: Performance, Respectability, Image, Manpower and Expectation**. Dalam banyak-banyak teras, teras ini yang paling kritikal, kompleks dan sukar dicapai. Oleh sebab itu, seluruh warga UniMAP perlu membantu dan menyangga HEPA dengan apa jua cara.

Dalam tahun ini, antara inisiatif yang perlu diberi penekanan di bawah PanjiMega *From Seeds to Shoots* ialah:

- Pusat Islam perlu mendekati mahasiswa dan menawarkan program-program yang diminta oleh mereka,
- Mempermantap aktiviti penyelidikan dalam kalangan mahasiswa hingga ke peringkat antarabangsa,
- Memperkuuh jaringan dengan semua alumni dan bekerjasama dengan Yayasan UniMAP untuk merangkakan program penjanaan dana endowmen,
- Mempermantap aktiviti mengasah bakat mahasiswa supaya mahasiswa menjadi lebih berdaya saing, khususnya di peringkat global, dan
- Mengaktifkan Koperasi Siswa sehingga berdaya maju.

KPI YABM

1. Bilangan anugerah yang dimenangi mahasiswa di peringkat tempatan dan antarabangsa

- **Sasaran:** 50 anugerah

Pemilik KPI: Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

Seperti yang saya sebutkan lebih awal, objektif dan inisiatif yang dinyatakan di sini ialah elemen strategik yang muh dilihat dilaksana. Terdapat indikator dan sasaran lain yang telah dipersetujui sebelum ini masih perlu dicapai. Dalam tahun ini, kita akan merumuskan semula fokus strategik kita untuk tahun 2016 - 2020. Jadi, jika ada keperluan untuk mengubah mana-mana indikator dan sasaran, kemukakanlah pandangan dan keprihatinan masing-masing dalam beberapa program perancangan strategik yang akan dianjurkan.

Untuk tahun-tahun mendatang, saya memohon daripada Allah (s.w.t) agar segala usaha kita dipermudah dan dianugerahi kejayaan yang cemerlang. Dengan hadirnya dua orang Timbalan Naib Canselor yang baru, iaitu Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan yang menjaga Hal-ehwal Pelajar dan Alumni dan Prof. Dr. Hamid Adom yang bertanggungjawab tentang hal-ewal penyelidikan dan inovasi, saya yakin kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih bermakna. Ucapan tahniah kepada mereka berdua kerana lantikan ke jawatan penting itu.

Untuk semua warga UniMAP, khususnya para pemimpin budiman sekalian, terimalah sekali lagi hasil ketajaman pemikiran budawayan Tenas Effendy melalui untaian ungkapan:

Bercakap lurus berkata benar
Tahu menimbang bijak menakar

Ramah kepada kecil dan besar
Pantang sekali berlaku kasar.

Benar menyukat adil menimbang
Pantang memilih membezakan orang
Angguknya sama muka belakang
Tegaknya kukuh tahan digoyang.

Hati keras lembut lidah
Cakap berisi petua amanah.
Kerja tekun banyak faedah
Pantang sekali berlengah-lengah

Terhadap yang susah hatinya lemah
Terhadap yang tertindas hatinya belas
Terhadap yang kekurangan hatinya kasihan.

Dada lapang fikiran panjang
Pantang berbual memburukkan orang
Pantang bercakap lidah bercabang
Pantang menumit dari belakang.

Hati bersih fikiran jernih
Sayang tidak memilih kasih
Marah tidak mencari selisih.

Inilah antara sifat ilmuwan yang dituntut Tuhan.

Akhir kalam, seandainya selama saya memimpin universiti ini terdapat apa jua kesilapan dan kesalahan, saya memohon maaf dari dasar lubuk jiwa saya. Sesungguhnya segala kesilapan dan kesalahan berpunca daripada diri saya sebagai insan biasa. Hakikatnya, apa jua idea yang saya lontarkan; keputusan yang saya laksana; dan tindakan yang saya aturkan, hanyalah untuk melaksana amanah yang diserahkan kepada saya dan anggota pengurusan tertinggi demi memastikan Universiti Malaysia Perlis berdaya saing di persada antarabangsa menjelang tahun 2020.

Semoga Allah (s.w.t) mengampuni kita semua.

Terima kasih.
Wabillahi taufiq wal hidayah
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2013

1. YBhg. Datuk Naib Canselor dianugerahi Anugerah *The Name in Science* oleh Europe Business Assembly di Oxford, United Kingdom pada 17 Disember 2013.
2. Mohamad Mustafa Al-Bakri Abdullah, Pensyarah Kanan, Pusat Kejuruteraan Bahan dianugerahi Top Research Scientist Malaysia oleh Akademi Sains Negara pada 17 Disember 2013.
3. YBhg. Datuk Naib Canselor dianugerahi *The Name In Science Award* oleh Oxford Summit of Leaders Science and Communication 2013, di Oxford, United Kingdom pada 17 Disember 2013.
4. UniMAP menerima anugerah *Best Campus* dari *Europe Business Assembly* melalui YBhg. Datuk Naib Canselor di Oxford, United Kingdom pada 17 Disember 2013.
5. YBhg. Datuk Naib Canselor dan Mohamad Mustafa Al-Bakri Abdullah, Pensyarah Kanan, Pusat Kejuruteraan Bahan dianugerahi *Merit of Commandeur Belgium Chamber of Inventors* pada 14 Disember 2013.
6. UniMAP menerima Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Malaysia (MEA) bagi dua kategori, iaitu Star Keusahawanan dan Inovatif serta Pengajaran dan Pembelajaran pada 18 Disember 2013.
7. Dr. Hakimah Osman, Timbalan Dekan, Pengurusan Akademik, menerima anugerah *King Sejong Inventor Order of Merit 2013* pada 12 Disember 2013 di Korea.
8. UniMAP menerima European Award for Best Practices 2013 yang dianugerahi oleh European Society for Quality Research pada 8 Disember 2013.
9. YBhg. Datuk Naib Canselor dianugerahi Tokoh Pemikir GPMS oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung pada 22 November 2013.
10. YBhg. Datuk Naib Canselor menerima anugerah *The Majestic Five Continents Award for Quality & Excellence* daripada Otherways Association. Management and Consulting pada 18 November 2013.
11. UniMAP memenangi Anugerah Kualiti SIRIM (AKS) 2013 bagi kategori agensi kerajaan yang dipertandingkan daripada SIRIM QAS International (SIRIM) pada 16 November 2013.
12. Mohamad Mustafa Al-Bakri Abdullah, Pensyarah Kanan, Pusat Kejuruteraan Bahan dilantik sebagai Naib Presiden World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) pada 15 November 2013.
13. Mohamad Mustafa Al-Bakri Abdullah, Pensyarah Kanan, Pusat Kejuruteraan Bahan dilantik sebagai Finalis Saintis Muda Negara Akademik Sains Negara pada 15 November 2013.
14. UniMAP menjadi juara keseluruhan kali ke-6 berurut-turut dalam Sukan Sasi IPTA (SUKUM) pada 10 November 2013.
15. Dr. Ruslinda A. Rahim, Timbalan Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dilantik sebagai *Women In Science Loreal Malaysia* pada 5 November 2013.
16. YBhg. Datuk Naib Canselor menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 2013 bagi Kategori Pembangunan Pendidikan Peringkat Negeri Perlis pada 4 November 2013 oleh Kerajaan Negeri Perlis.
17. YBhg. Datuk Naib Canselor dianugerahi *The Bizz 2013 Award* daripada World Confederation of Business (WORLDCOB) pada 29 September 2013.
18. UniMAP menerima Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan (Golden Award for Quality and Business Prestige) oleh Otherways Association, Management and Consulting pada 24 Jun 2013.
19. Prof. Dr. Uda Hashim, Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) menerima Anugerah Harta Intelek Negara 2013 (AHIN 2013) untuk kategori Paten pada 15 Jun 2013.
20. UniMAP berjaya menempatkan diri pada kedudukan 242 universiti terbaik Asia dan kedudukan ke-10 terbaik Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia dalam QS Ranking Asia 2013.
21. YBhg. Datuk Naib Canselor menerima anugerah sebagai *Outstanding Vice Chancellor* oleh Persatuan Rekaan dan Ciptaan Malaysia (MINDS) pada 27 April 2013.
22. UniMAP dinobatkan sebagai Institusi Terbaik (*Best Enterprise*) daripada European Business Assembly (EBA) pada 11 April 2013. Dalam majlis yang sama YBhg. Datuk Naib Canselor dinobatkan sebagai *Manager of The Year*.
23. UniMAP menerima penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi kerana sumbangannya dalam menjayakan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovatif Peringkat Tertian (PTPMIIPT) yang diterajui oleh KPT melalui tiga produk penyelidikannya pada 5 Mac 2013.
24. Makmal Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Makmal Pusat Pengajian Alam Sekitar Menerima Sijil ISO/IEC 17025:2005 oleh Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SSM) setelah dilidir sebagai makmal yang menjalankan ujian kimia dan mekanikal pada 15 Februari 2013.
25. Memperoleh TIER 5 (Cemerlang) dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA 11)
26. Memperoleh TIER 5 (Cemerlang) Disiplin Kejuruteraan (D_SETARA)
27. Memperoleh tiga bintang melalui Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA).
28. Memperoleh pencapaian 97.32% melalui Sistem Pengurusan dan Pengimbasan Data Matsumat KPT (MyMOHE).
29. UniMAP berjaya mendapat Sijil Pengildiran Semua MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International bagi tempoh tiga tahun bersama dengan 16 Jun 2013 hingga 15 Jun 2016.
30. UniMAP menjadi Naib Juara Keseluruhan Sukan Persatuan Badan Budukum (SUKANBU) VII dengan memenangi tiga pingat emas, tiga pingat perak dan dua gangsa.

An Award Winning University

Top
Universities

Guide

2014

World Inventor Grand Order of Merit, World Inventor Award Festival (WIAF), Seoul, Korea

BIZZ 2013 from World Confederation of Businesses, Dubai, UAE



www.unimap.edu.my

The Majestic Five Continents Award for Quality and Excellence from Otherways Association Management and Consulting, Geneva, Switzerland

Best Enterprise and Manager of The Year, European Business Assembly, London



Gold Award for Quality and Business Prestige from Otherways Association, Management and Consulting, Rome, Italy

Universiti Malaysia Perlis Welcomes You To:

Asia Summer Program (ASP) 2014

4th World University Woodball Championship 2014

Islamic World Academy of Sciences (IAS) Conference 2014

QS in conversation 2014

12th QS·APPLE Conference and Exhibition 2016

7th QS·MAPLE Conference and Exhibition 2017

New Zealand Education
www.unimap.edu.my

